

Apabila kasih sayang hilang

Masalah penderaan anak dan penganiayaan terhadap kanak-kanak bukan satu fenomena baru. Setiap tahun ada saja isu yang mengemparkan mengenai kes kes seumpama ini. Terbaru dan yang sudah menjadi viral pada media tradisional dan media sosial mengenai penderaan seorang kanak-kanak perempuan berusia lima tahun yang dipercayai dilakukan oleh ibu tirinya.

Memang sangat meruntun perasaan siapa saja yang melihat keadaan budak perempuan berkenaan. Dalam laporan terkini kanak-kanak itu dikatakan mungkin mengalami kecacatan seumur hidup.

Sebelum ini ada juga beberapa kes penderaan dan penganiayaan yang dilaporkan membabitkan ibu sendiri, ibu tiri, ibu saudara dan pengasuh yang tergamak menyeksa dan mendera kanak-kanak.

Pengabaian anak yang tidak berdosa ini sebenarnya banyak berlaku dalam masyarakat kita hari ini. Semakin pesat pembangunan dan teknologi di negara kita semakin bertambah kes.

Mungkin apa yang kita tahu hanyalah kes yang dilaporkan, namun penulis percaya masih banyak lagi kes yang berlaku setiap hari. Apa yang sangat menyedihkan mereka ini mangsa keadaan yang tidak berdaya untuk membela diri.

Sejak dulu kes penderaan, penganiayaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak seperti tiada noktah. Kesempitan hidup kerana kemiskinan, masalah rumah tangga dan sikap tidak bertanggungjawab ibu bapa antara faktor terjadi penderaan dan penganiayaan terhadap mereka yang lemah dan tidak berdosa ini.

Masyarakat mungkin masih ingat kisah kanak-kanak S Bala-sundram yang berusia 26 bulan atau dua tahun dua bulan yang mati diseksa teman lelaki ibunya pada awal 90-an.

Kisahanya menjadi perhatian

masyarakat lebih 20 tahun lalu, dan mencetuskan reaksi yang luar biasa daripada masyarakat kerana kekejaman yang dilakukan terhadap mangsa sangat sadis dan tidak berperikemanusiaan.

Namun pada 2010 sekali lagi negara dikejutkan dengan kes ke-kejaman terhadap kanak-kanak apabila Syafiah Humairah Sahari, 3, yang meninggal dunia akibat didera oleh teman lelaki ibunya di padang bola.

Seminggu kemudian K Hareswarral kanak-kanak berusia setahun enam bulan pula dilaporkan maut akibat mengalami kecederaan serius iaitu enam tulang rusuk patah, hati hancur dan kepala serta kemaluan cedera parah kerana dipukul.

Banyak kes membabitkan orang Melayu dan sebagai orang Islam kita tertanya-tanya mengapa ini terjadi pada masyarakat kita. Dalam kajian yang dijalankan oleh Kementerian berkaitan dan golongan akademik, pengabaian anak dan penderaan kanak-kanak ada kaitan dengan masalah rumah tangga, perceraian dan kemiskinan serta sikap ibu bapa yang tidak bertanggungjawab dan tidak menjalani kehidupan berlandaskan agama.

Dalam soal kemiskinan, kesempitan hidup ada kalanya menjadi punca pengabaian dan penderaan pada anak kerana ibu bapa hidup dalam keadaan tertekan. Apabila ibu bapa tertekan anak menjadi 'punching bag' atau tempat melepaskan geram.

Jika berlaku perceraian, anak selalunya menjadi mangsa keadaan. Mereka menjadi rebutan antara suami isteri yang sudah bercerai. Namun, apabila mereka mendapat pasangan baru, anak ini mula terabai kerana mereka sudah ada keluarga baru yang perlu diberi perhatian lebih.

Ada juga ibu atau ayah tiri tidak suka kehadiran anak daripada perkahwinan pasangan mereka terdahulu berikutan tambahan bebanan dalam hidup.

Walau apa pun alasan yang di-

berikan, penderaan dan penganiayaan yang dilakukan terhadap kanak-kanak ini sememangnya tidak boleh diterima akal dan dianggap sangat zalim dan tidak berperikemanusiaan.

Apalah yang termampu dibuat oleh kanak-kanak yang lemah yang tidak boleh membela dirinya ketika disakiti dan didera seperti itu. Undang-undang saja tidak mencukupi untuk menghukum mereka yang melakukan kezaliman ini. Masyarakat mesti terus dididik untuk menyayangi kanak-kanak.

Perkahwinan institusi yang boleh mendidik dan melahirkan ramai masyarakat berkualiti yang dapat hidup dalam keharmonian dan kasih sayang. Jika perkahwinan menjadi kucar-kacir, suami isteri lupa tanggungjawab mereka. Hidup ini satu putaran bila anak membesar mereka akan mengikut corak pendidikan ibu bapa yang kurang kasih sayang dan sangat tidak mementing kualiti manusia yang berakhlak. Akhirnya tidak mustahil mereka turut menjadi zalim dan mempunyai hati yang keras.

Natijahnya walau negara sedang menuju ke arah menjadi negara maju dengan kepesatan teknologi dan infrastruktur yang canggih, kehidupan yang sangat mencabar zaman sekarang melahirkan ramai manusia yang hilang kewarasannya dan bersifat individualistik.

Justeru untuk mengurangkan kes seumpama ini, kita harus kembali pada agama yang membentuk hati kita dan mendidik jiwa kita sentiasa bersyukur dan bertakwa pada Allah selain tahu tanggungjawab besar kita terhadap amanah yang Allah beri pada kita iaitu 'anak'. Harmonikan institusi perkahwinan kita dengan sifat sabar, kasih sayang dan penuh bertanggungjawab.

**Penulis Pensyarah Kanak
Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media UiTM Shah
Alam**